

Cabaran terhadap perpaduan

CABARAN terhadap perpaduan rakyat di negara ini sentiasa wujud. Cuma corak dan darjahnya berbeza dari masa ke semasa. Yang penting ditekankan ialah dengan taraf kedominanannya perpaduan di kalangan orang-orang Melayu sendiri adalah kunci pertama kepada kestabilan masyarakat. Oleh yang demikian memang wajar dan penting, sebagaimana yang ditegaskan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk kerajaan mengambil sikap tegas terhadap semua golongan dan tindakan yang bertujuan menggugat perpaduan orang-orang Melayu. Wujudnya golongan-golongan agama tertentu yang bukan saja mahu melihat orang-orang Melayu berpecah-belah tetapi juga bercadang menggunakan kesempatan ini untuk mencapai cita-cita dan kepentingan mereka sendiri tidak dapat disangkal. Begitu juga hakikat bahawa mereka ini akan terus bergiat sehingga berjaya. Tetapi kita harus sedar. Islam adalah asas perpaduan Melayu. Oleh itu perpecahannya bermakna perpecahan masyarakat kita. Implikasi perpecahan kepada masa depan masyarakat Melayu dan negara adalah nyata. Proses pembangunan sosio-ekonomi tidak mungkin berjalan di dalam suasana kacau-bilau. Perancangan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan memerlukan kestabilan ekonomi, sosial dan politik.

Soalnya bagaimanakah kita menjamin perpaduan agama di kalangan orang-orang Melayu. Datuk Seri Dr. Mahathir menekankan supaya kita berwaspada. Sikap ini penting. Dan jika ia dapat disokong dengan tindakan yang berkesan mengawasi dan mengawal sebarang kegiatan seleweng di kalangan mana-mana golongan, kita telah mempunyai suatu strategi yang baik. Tetapi mungkin benteng kita yang sekuatkuatnya ialah pengertian dan pengetahuan orang ramai yang lengkap dan mendalam terhadap keseluruhan ajaran-ajaran dan cara hidup Islam. Dengan tapak yang tegap di atas pengetahuan dan amalan Islam yang sebenarnya sebarang penyelewengan akan lebih mudah dikesan dan dihapuskan. Cuma memahami dan mematuhi sebuah sistem agama agung seperti Islam bukannya suatu perkara mudah. Perbezaan pendapat dan fahaman pasti timbul. Apa yang diperlukan ialah supaya kita mempunyai kesedaran yang keadaan ini bukan sesuatu yang luar biasa dan sikap yang perlu kita ambil ialah toleransi dan bukan menidak atau mencemuh-cemuhkan secara melulu sesuatu pengertian atau fahaman yang asing kepada kita.